



*Khutbah Jumaat 8 Julai 2022M / 8 Zulhijjah 1443H: "Haji Itu Arafah"
Jabatan Agama Islam Selangor*


MANUAL KHUTBAH JUMAAT

**TAJUK;
HAJI ITU ARAFAH**



ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"HAJI UTU ARAFAH".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا
وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ ۖ

2

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِذْقُوا اللَّهَ أُوفِيَ لَكُمْ وَإِيَّاهُ يُبَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلَهُ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ۖ

5

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kehadrat Allah SWT, iaitu melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita mendapat rahmat dan keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

6

Mimbar Jumaat hari ini akan membicarakan Khutbah bertajuk "**HAJI ITU ARAFAH**".

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,



Berwukuf pada hari Arafah adalah rukun Haji yang mesti ditunaikan. Hadis daripada Abdul Rahman bin Ya'mar bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْحَجُّ عَرَفَةُ

"Haji itu adalah Arafah."

(Riwayat al-Tirmizi).

7

Hari Arafah pada 9 Zulhijjah setiap tahun, merupakan hari yang Allah SWT kurniakan rahmat dan barakah, diperkenankan segala doa. Oleh itu mereka yang berada disana disuntikan untuk memperbanyakkan zikir seperti tahmid, tasbih, tahlil, dan membaca quran, beristighfar serta berdoa dengan penuh rasa pengabdian dan keinsafan.

8

Menurut Para Ulama, wukuf di Padang Arafah mengandungi berbagai-bagi hikmah. Antaranya:

Pertama: Menghayati persaudaraan seagama

9

Kedatangan para jemaah ke Padang Arafah dengan pakaian Ihram serba putih, bukan sahaja melambangkan kebersihan jiwa, tetapi menunjukkan persaudaraan sejati umat Islam.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ

10

"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu..."



Lebih-lebih lagi manusia adalah keturunan yang sama iaitu dari Adam Alaihissalam dan Hawa, asal permulaan manusia di muka bumi ini. Oleh itu betapa perlunya manusia menjalin hubungan baik dengan saudara-mara mereka.

11

Kedua: Menyedari pentingnya perpaduan

Perhimpunan di Padang Arafah merupakan perhimpunan tahunan terbesar umat manusia di muka bumi ini. Mereka berjumpa, berkenalan dan dapat berbincang. Mereka tambah meyakini betapa besarnya kekuasaan Allah SWT, menjadikan makhluk bernama manusia seluruh penjuru bumi, yang berbeza warna kulit, budaya dan bahasa pertuturan. Melalui pakaian seragam berwarna putih, mereka hormat menghormati, tanpa mengenal pangkat dan kedudukan, tanpa mengenal fahaman politik, tanpa mengenal kaya atau miskin, semuanya menyembah Allah SWT yang mesti bersatu,

12

sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

13

"Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai..."



Ketiga: Menginsafi tentang kematian

Memakai pakaian ihram serba putih yang tidak berjahit, seolah-olah mengingatkan kita kepada kain kafan yang akan membaluti tubuh ketika nyawa dipisahkan dari jasad. Walaupun kita memiliki pakaian yang berbagai jenama yang bernilai, tetapi kain putih juga sebagai kain kafan membaluti tubuh kita. Demikian juga kedudukan khemah-khemah dengan keluasan kawasan yang amat terhad, berkongsi tempat penginapan, bilik mandi, tandas dan pergerakan yang terhad, mengingatkan kita bahawa suatu ketika nanti, kita akan berhijrah ke alam barzakh yang sempit dan ruang yang lebih terhad.

14

Keempat: Mengingati perhimpunan di Padang Mahsyar

Perhimpunan pada hari Arafah mengingatkan kita kepada perhimpunan besar pada hari akhirat, apabila berlaku hari kiamat. Padang Arafah yang terbuka luas dan terdedah kepada kepanasan cahaya matahari, menggambarkan seolah-olah kita berada di Padang Mahsyar pada hari kiamat nanti. Disana, tiada khemah, tiada tempat berlindung, tiada penghawa dingin. Setiap individu bergantung kepada amal solehnya semasa hidup di dunia. Ketika itu mereka hanya mengharapkan rahmat dan pengampunan Ilahi dan syafaat Rasulullah SAW, agar amalannya diterima, dosanya diampun, terlepas daripada azab seksaan api neraka dan dimasukkan ke syurga. Justeru, Allah SWT mengingatkan kita semasa di dunia, supaya menyediakan sebanyak-banyaknya amal soleh sebagai bekalan bagi menghadapi hari akhirat kelak,

15



seperti firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr ayat 18:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تَنْظُرُ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِغَدٍ

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya), dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhati apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat)".

16

Umat Islam yang tidak berada di Padang Arafah, disunatkan berpuasa pada 9 Zulhijjah, yang dikenali sebagai Puasa Sunat Arafah. Kelebihannya sangatlah besar, sebagaimana hadis daripada Abu Qatadah Radiallahu'anhu bahwasanya Rasulullah SAW bersabda:

17

صِيَامُ يَوْمِ عَرْفَةَ، إِنِّي أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةُ الَّتِي قَبْلَهُ وَالسَّنَةُ الَّتِي بَعْدَهُ

"Berpuasa pada hari Arafah itu, aku kirakan atas Allah, bahawa mengkifarat (menghapuskan) akan dosa tahun yang dahulunya dan dosa tahun yang kemudiannya."

(Riwayat al-Tirmizi).

18

Oleh itu marilah kita sama-sama mengambil kesempatan berpuasa sunat Arafah pada hari esok sempena 9 zulhijjah ini.

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,



Sukacita diingatkan kepada saudara-saudara sekalian, janganlah ada dalam kalangan kita yang ketinggalan mendaftarkan diri sebagai bakal Haji pada masa akan datang, supaya kita mendapat giliran menunaikan fardu Haji apabila sampai masanya. Hadis daripada Ibnu Abbas Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

19

تَعَجَّلُوا إِلَى الْحَجَّ يَعْنِي الْفَرِيضَةَ فَإِنَّ أَحَدَكُمْ لَا يَدْرِي مَا يَعْرِضُ لَهُ

"Bersegeralah kamu menunaikan fardu Haji, kerana seseorang itu tidak tahu apa yang akan berlaku keatasnya (mati)."

(Riwayat Ahmad).

20

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Bagi mengakhiri khutbah ini marilah kita menghayati saranan berikut:

1. Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha untuk melepas tahap istita'ah yang diputuskan oleh syarak melalui ketetapan pemerintah untuk menunaikan Haji.
2. Wukuf di Padang Arafah adalah aspirasi kepatuhan kepada Allah dan perpaduan umat Islam yang perlu berterusan sepanjang zaman walau di mana dan dalam keadaan apa sekalipun.
3. Umat Islam yang tidak menunaikan Haji hendaklah turut serta menghayati gerakan-gerakan ibadah yang dilakukan oleh bakal-bakal Haji.

21



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فَإِذَا أَفَضْتُم مِنْ
عَرَفَاتٍ فَإِذْ كُرُوا إِلَّا اللَّهُ عِنْدُ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَإِذْ كُرُوهُ كَمَا هَدَنَاكُمْ وَإِنْ
كُنْتُم مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الظَّالِمِينَ

22

"Tidak ada dosa bagimu untuk mencari kurnia (rezeki hasil perniagaan) dari Tuhanmu. Maka apabila kamu telah bertolak dari Arafah, berzikirlah kepada Allah di Masy`arilharam. Dan berzikirlah (dengan menyebut) Allah sebagaimana yang ditunjukkan-Nya kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu benar-benar termasuk orang-orang yang sesat."

23

(al-Baqarah : 198).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا
إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا عَيْهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

5

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

7

وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ

8

وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

9

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الحَاجِ.

10

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَليِ
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ،

11

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

12

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

16

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ
وَالْمِحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

18

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَتْنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَاماً.
رَبَّنَا إَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.

19

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

20

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

21